



## BADAN KHAIRAT AN-NUR CAHAYA ALAM (BKACA) GARIS PANDUAN SERTA TERMA & SYARAT KEAHLIAN

---

### 1.0 MUKADIMAH

*“Dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan” – Al Maidah: 2*

Berdasarkan Firman Allah di atas, AJK protem **Surau An-Nur Cahaya Alam (SACA)** telah memulakan langkah pada tahun 2014 untuk mewujudkan **Badan Khairat An-Nur Cahaya Alam (BKACA)**. Bagi tujuan rekod, Bilik Pengurusan Jenazah SACA telah mula beroperasi pada 24 Jun 2022.

### 2.0 TUJUAN

- 2.1 Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan berkaitan dengan kematian dalam kariah SACA kepada ahli dan waris ahli.
- 2.2 Mengukuhkan persaudaraan dan kerjasama di kalangan umat Islam khususnya di dalam kariah SACA.

### 3.0 KEAHLIAN

- 3.1 Keahlian BKACA dibuka sepanjang tahun kepada semua ahli kariah SACA yang beragama Islam, sama ada yang tinggal di rumah sendiri ataupun yang menyewa.
- 3.2 Permohonan menjadi ahli BKACA boleh dibuat secara di atas talian dengan mengisi borang yang boleh didapati di pautan <https://bkaca.surauannuru12.com/>
- 3.3 Tempoh bertenang (*cooling-off period*) bagi permohonan keahlian baru yang diterima adalah selama tiga (3) bulan daripada tarikh penerimaan borang keahlian beserta pembayaran. Sekiranya berlaku kematian dalam tempoh bertenang, pemohon hanya layak menerima manfaat bagi perbelanjaan pengurusan jenazah sahaja dan tidak layak menerima baki manfaat belum guna.
- 3.4 Ahli yang berdaftar adalah **ketua keluarga**. Sekiranya ketua keluarga meninggal dunia, maka salah seorang daripada waris boleh meneruskan dan menyambung menjadi ahli. Pihak waris perlu memaklumkan kepada Jawatankuasa Tadbir BKACA untuk urusan mengemaskini nama keahlian.
- 3.5 Bagi setiap keluarga, ahli keluarga yang tinggal bersama di rumah ketua keluarga sahaja (kecuali ibu, bapa dan mertua) dikira layak untuk mendapat faedah dan kemudahan khairat. Ahli keluarga yang layak adalah seperti berikut:
  - Isteri atau suami
  - Anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang sah, yang belum berkahwin
  - Ibu, bapa dan mertua
  - Adik beradik yang belum berkahwin dan tidak berkerja



**BADAN KHAIRAT AN-NUR CAHAYA ALAM (BKACA)  
GARIS PANDUAN SERTA TERMA & SYARAT KEAHLIAN**

---

- 3.6 Bagi seorang lelaki yang mempunyai lebih daripada seorang isteri dan tinggal berasingan, beliau perlu mendaftarkan kesemua isteri-isteri beliau dan menjelaskan yuran tahunan yang berasingan untuk mendapat faedah dan kemudahan khairat.

#### **4.0 YURAN KEAHLIAN**

- 4.1 Yuran keahlian adalah **RM50.00 setahun**.
- 4.2 Yuran keahlian hendaklah dijelaskan **selewat-lewatnya pada 31 Disember setiap tahun, termasuk yuran yang tertunggak jika ada**.
- 4.3 Setiap ahli boleh membuat semakan keahlian, pembayaran yuran tahunan serta kemaskini maklumat tanggungan, secara di atas talian di pautan <https://bkaca.surauannuru12.com/>
- 4.4 Bayaran yuran keahlian boleh dibuat secara 'on-line transfer' ke akaun BKACA:
- No. Akaun: 26205400027750  
Nama Akaun: SURAU AN-NUR  
Nama Bank: RHB
- 4.5 Ahli yang membiarkan yuran tahunannya tertunggak lebih daripada tiga (3) tahun berturut-turut akan hilang manfaat dan kemudahan sebagai ahli. Namun, tertakluk kepada budibicara dan kelulusan Jawatankuasa Tadbir, manfaat dan kemudahan boleh diberikan semula, dengan syarat bayaran tertunggak dibayar sepenuhnya.
- 4.6 Berhenti Menjadi Ahli:
- 4.6.1 Setiap ahli boleh berhenti menjadi ahli dengan cara menghantar notis berhenti menjadi ahli kepada Jawatankuasa Tadbir BKACA.
- 4.6.2 Setiap ahli juga boleh berhenti menjadi ahli apabila berpindah keluar dari kariah SACA.
- 4.6.3 Apa jua wang yang telah dijelaskan kepada BKACA tidak akan dikembalikan apabila seseorang ahli berhenti menjadi ahli.
- 4.6.4 Setiap ahli yang berhenti menjadi ahli akan hilang faedah dan kemudahan sebagai ahli berkuatkuasa pada tarikh notis pemberhentian sebagai ahli diterima oleh Jawatankuasa Tadbir BKACA.



**BADAN KHAIRAT AN-NUR CAHAYA ALAM (BKACA)**  
**GARIS PANDUAN SERTA TERMA & SYARAT KEAHLIAN**

---

**5.0 KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN**

5.1 Perkhidmatan Pengurusan Jenazah

5.1.1 Semua kos urusan memandikan, mengafankan dan mengebumikan jenazah ahli atau keluarga ahli seperti yang disebutkan di perenggan 3.5 akan ditanggung oleh BKACA.

5.1.2 Perkhidmatan Van Jenazah juga diberikan secara percuma dari rumah/surau ke Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21, Shah Alam. Penghantaran jenazah ke luar kawasan tertakluk kepada kadar caj Van Jenazah yang disewa.

5.1.3 Pengurusan jenazah untuk bukan ahli BKACA akan dikenakan bayaran sebanyak **RM1,200**.

5.2 Bantuan Wang Tunai

5.2.1 Bantuan wang tunai akan diberikan kepada ahli/waris ahli, sekiranya ada berbaki selepas ditolak semua kos pengurusan jenazah dari peruntukan seperti berikut:

(a) Ahli/pasangan	RM1,500
(b) Ibu/bapa/mertua/anak	RM1,000
(c) Ibu/bapa/mertua yang tidak tinggal bersma ahli	RM300
(d) Adik/beradik	RM300

5.2.2 Ahli perlu membayar yuran tertunggak untuk mendapat bantuan wang tunai apabila berlaku kematian.

5.2.3 Tuntutan hendaklah dibuat di dalam tempoh 30 hari selepas berlaku kematian. Pembayaran ke atas tuntutan yang lewat diterima melebihi tempoh tersebut tertakluk kepada kelulusan dan budi bicara Jawatankuasa Tadbir BKACA.

5.3 Pihak BKACA akan menguruskan Bacaan Tahlil dan Doa di SACA pada malam pertama selepas berlaku kematian, tertakluk kepada kelapangan masa yang ada dan dengan persetujuan ahli/waris ahli.

5.4 BKACA tidak menguruskan jenazah yang berisiko seperti mengidap HIV, kes kemalangan yang biasanya diurus oleh pihak hospital dan lain-lain penyakit berjangkit. Waris dinasihatkan agar merujuk kepada Pusat Perubatan yang berkenaan untuk urusan jenazah.



**BADAN KHAIRAT AN-NUR CAHAYA ALAM (BKACA)  
GARIS PANDUAN SERTA TERMA & SYARAT KEAHLIAN**

---

**6.0 JAWATAN TADBIR**

- 6.1 Jawatankuasa Tadbir BKACA terletak secara langsung di bawah SACA dan akan dilantik oleh Jawatankuasa Tadbir SACA mengikut tempoh AJK SACA.
- 6.2 Jawatankuasa Tadbir BKACA berfungsi untuk memastikan kebajikan setiap ahli mendapat manfaat seperti di perenggan 5.0.
- 6.3 Pengerusi SACA dengan secara automatic menjadi Penasihat kepada BKACA.
- 6.4 10% dari akaun baki BKACA pada 31hb Disember setiap tahun akan digunakan untuk kos-kos pengurusan.
- 6.5 Jawatankuasa Tadbir BKACA berhak untuk meminda sebarang kemudahan atau terma-terma yang tersebut di atas tanpa sebarang notis.
- 6.6 Sekiranya berlaku kematian ahli keluarga bagi kariah Cahaya Alam, pihak waris boleh menghubungi ahli jawatankuasa BKACA atau AJK SACA untuk bantuan pengurusan jenazah.

**Jawatankuasa Badan Khairat An-Nur Cahaya Alam (BKACA) 2024-2026**

<b>Pengerusi:</b>	<b>Rohaimi Bin Abd Manan</b>	<b>019-4340034</b>
<b>Setiausaha:</b>	<b>Jahar Bin Mohd Saleh</b>	<b>019-2374821</b>
<b>Bendahari:</b>	<b>Ahmad Azmaizan Bin Abd Rahman</b>	<b>019-6694609</b>
<b>Hal Ehwal Muslimin:</b>	<b>Isa Bin Ahmad</b>	<b>017-3834830</b>
<b>Hal Ehwal Muslimat:</b>	<b>Sit Majidah Binti Amir</b>	<b>019-5586990</b>
<b>Ahli Jawatankuasa:</b>	<b>Hanim Binti Harun</b>	<b>013-3094533</b>
	<b>Muzalina Binti Musa</b>	<b>012-9709446</b>
	<b>Ameer Shah Bin Abdul Halim Shah</b>	<b>010-5328359</b>